

Skuad futsal wanita Sabah mahu baiki kedudukan Pemburuan mata maksima

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

4B 13-01-2012 A13

KOTA KINABALU: Skuad futsal wanita Sabah mahu membaiki kedudukannya dengan mengutip mata maksima dari dua perlawanan seterusnya pada Kejohanan Futsal Kebangsaan Felda-FAM 2011/2012 di Kompleks Sukan Triways Shah Alam, Selangor penghujung minggu ini.

Sabah yang dibimbing Jelius Ating dan Beatrice Yaw akan menghadapi Selangor MBPJ FC pada 14 Januari (sepak mula 9.00 pagi) dan Kedah pada 15 Januari (sepak mula 2.00 petang).

Jelius berkata, mengutip mata penuh pada kedua-dua perlawanan itu amat penting bagi mengukuhkan kedudukan selepas mereka hanya mampu mencatat satu kemenangan dari dua perlawanan pertamanya pertengahan bulan lalu.

Dua perlawanan pertama bulan lalu menyaksikan Sabah menang 2-0 ke atas Unimap Perlis tetapi kecedang 0-2 di tangan juara bertahan Selangor.

“Kami tidak tahu kedudukan sebenar pasukan dalam carta liga..penganjur belum memberikan kami carta liga rasmi.

“Bagaimanapun saya fikir kami kena menang kedua-dua perlawanan penghujung minggu ini untuk mengukuhkan kedudukan mara ke pusingan seterusnya,” katanya ketika ditemui semasa mengendalikan latihan di Borneo Sports Arena



SKUAD futsal wanita Sabah bersama Malianah (duduk di tengah), Jelius (duduk dua dari kiri), Beatrice (duduk di kiri) dan Pegawai Teknikal Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai Safa, Junaidi Ahmad Fauzi (duduk dua dari kanan).

(BSA) Kolombong Inanam kelmarin.

Turut menyaksikan pasukan berlatih adalah Ketua Unit Wanita Safa, Datin Malianah Ugau.

Selepas perlawanan penghujung minggu ini, Sabah akan meneruskan cabaran menentang Johor SAJ/Kencana dan Selangor PKNS FC pada 28-29 Januari sebelum menamatkan saingan peringkat Kumpulan A

menentang KL Felda United FC pada 25 Februari.

Dalam senarai membawa cabaran penghujung minggu ini terdiri dari Asma Junaidi, Attica Baptis Mairon, Cynthia Ami, Esilah Esar, Lovelytha Jelus, Marcella Ramli, Marcia Munchin, Maznah Ali, Marisa Juanis, Pedrolia Martin, Rozeinie Dusilah and Petronella Douny.

Sabah turut diwakili sebuah lagi pasukan wanita iaitu

pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada kejohanan itu.

UMS FC yang bersaing dalam Kumpulan B menang kedua-dua perlawanan pertamanya bulan lalu, menewaskan KL Putra Ria 9-2 dan menumbangkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM 7-1).

UMS FC akan meneruskan cabaran menentang PDRM dan Selangor MPSJ FC pada

21-22 Januari.

Pasukan lelaki Sabah turut mengambil bahagian dan telah mencatat satu kemenangan dan satu kalah dalam saingan Kumpulan A bulan lalu.

Mereka menewaskan Pulau Pinang 3-2 tetapi tewas 0-2 kepada Selangor PKNS FC. Skuad lelaki Sabah juga dijadualkan meneruskan cabaran penghujung minggu ini.